

# **APLIKASI KAEDEH FIQH AL-DARURAH TUQADDAR BIQADARIHA DALAM AGIHAN ZAKAT UNTUK MANGSA BANJIR**

## **APPLICATION OF AL-DARURAH TUQADDAR BIQADARIHA FROM ISLAMIC LEGAL MAXIMS IN ZAKAT DISTRIBUTION FOR FLOOD VICTIMS**

Siti Fariza M.F.<sup>1</sup>, Hasanah A.K<sup>2</sup>, Irwan M.S<sup>3</sup>, Azman A.R<sup>4</sup>



### **ABSTRAK**

Banjir yang berlaku pada Disember 2014 dikategorikan sebagai paling buruk yang melanda kawasan Pantai Timur, Malaysia. Bencana ini telah melibatkan lebih 100,000 orang mangsa yang mengalami kemusnahan harta benda dan punca pendapatan. Mangsa memerlukan bantuan segera bagi memulihkan kembali kehidupan seperti sedia kala. Keadaan ini dikategorikan sebagai keadaan mendesak yang mengharuskan penggunaan kaedah fiqh dalam situasi darurat. Walau bagaimanapun, ia dibataskan dengan kaedah fiqh al-darurah tuqaddar

<sup>1</sup> Pelajar Ijazah Lanjutan, Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, 43650, Kajang, Selangor. Email: farizafisal@gmail.com.my. Tel: 019-6269447.

<sup>2</sup> Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, 43650, Kajang, Selangor. Email: hasanah@ukm.edu.my. Tel: 019-4003202

<sup>3</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: azman@usim.edu.my. Tel: 013-3543594.

<sup>4</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: azman@usim.edu.my. Tel: 012-2165852.

*biqadariha. Justeru, kajian akan mengkaji penggunaan kaedah fiqh ini dalam agihan zakat untuk mangsa banjir. Kajian juga akan mencadangkan penambahbaikan dalam penyelarasan agihan zakat yang diberikan kepada mereka. Hasil kajian mendapati kelayakan seseorang mangsa banjir dalam situasi darurat dilihat lebih tepat di bawah kaedah fiqh al-darurat tubihul mahzurat (kemudahanratan membolehkan tegahan) tetapi perlu dibatasi dengan kaedah fiqh yang lain iaitu al-darurat tuqaddar bi qadariha (keadaan darurat ditentukan mengikut kadarnya). Implikasi kajian boleh dijadikan garis panduan kepada institusi zakat dalam menyediakan agihan zakat yang sepatutnya kepada mangsa banjir ini. Kajian lanjutan boleh dilakukan dalam mengenalpasti keberkesanan bantuan yang diberikan kepada mangsa banjir.*

Kata kunci: *banjir, kaedah fiqh, darurat, mangsa banjir, had bantuan*

## **ABSTRAK**

*Flood that occurred in December 2014 has been categorized as the worst in Malaysia. The disaster has involved more than 100,000 people who experienced with the destruction of property and livelihoods. The victims need immediate help to restore their life back to normal. The situation was categorized as an urgency that requires the use of Islamic Legal Maxims in emergency situations. However, it is restricted by the method of “al-darurah tuqaddar biqadariha”. Thus, the study will examine the use of Islamic Legal Maxims in fiqh of zakat scheme for flood victims. The study will also suggest improvements in the coordination of assistance provided. The study found that the eligibility of a flood victim in an emergency situation is seen under the legal maxim of “al-Darurat Tubihul Mahzurat” (necessity makes illegal things legal) but should be restricted by the other legal maxim which is “al-darurah tuqaddar biqadariha” (necessities are estimated according to their quantity). Implications of the study will provide guidelines to the zakat institutions in providing proper assistance schemes to them. Further studies can be conducted to identify the effectiveness of the assistance provided to the victims.*

Keywords: *flood, Islamic legal maxims, emergency, flood victims, aids limitation*

## PENGENALAN

Banjir besar yang melanda hampir semua negeri di Semenanjung Malaysia pada Disember 2014 telah memberi kesan banjir lumpur dan kemasuhan di kawasan penempatan. Penduduk turut diancam dengan kebuluran akibat makanan yang tidak mencukupi. Terdapat mangsa yang terputus bekalan makanan, terpisah daripada ahli keluarga, dipindahkan jauh daripada tempat tinggal, jatuh sakit dan hilang sumber pendapatan. Keadaan tersebut menggambarkan situasi darurat kerana mangsa banjir memerlukan bantuan daripada pihak luar untuk memulihkan kembali keadaan kehidupan mereka. Dalam situasi yang getir ini, seluruh rakyat Malaysia telah bekerjasama memberikan bantuan dan mengumpulkan keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan sebagainya. Hal ini termasuklah agihan zakat yang diberikan kerana dana zakat yang diberikan dapat membantu mangsa-mangsa banjir untuk terus hidup.

Walau bagaimanapun, zakat hendaklah diberikan kepada golongan asnaf yang tertentu sahaja. Ia dikenali sebagai asnaf lapan yang kebanyakannya mempunyai persamaan kriteria, iaitu pada keadaan yang sangat memerlukan kepada sesuatu. Wang zakat yang terkumpul perlu diagihkan kepada asnaf yang benar-benar layak. Ia tidak boleh dibelanja sesuka hati dan tidak boleh diambil oleh penguasa, malah hanya pihak yang bertanggungjawab sahaja berhak menguruskannya (Abu Hassan Din, 2015). Selain lapan jenis asnaf yang disebut dalam Al-Quran, ia adalah satu penyelewengan sekiranya wang zakat diberikan kepada mereka yang tidak sepatutnya sehingga jatuh hukum berdosa (Md Hashim Yahya, 2015).

Menurut Zulkifli Mohamad (2015), mangsa banjir boleh termasuk dalam golongan ke enam iaitu asnaf *al-gharimin* kerana mereka terpaksa berhutang dalam hal yang tiada maksiat dan tidak menemui jalan untuk melunaskan hutangnya. Mereka juga terpaksa berhutang untuk diri sendiri dan keluarga. Hal ini kerana banjir adalah bencana yang menyebabkan harta benda mereka musnah dan memerlukan kepada bantuan. Justeru, kebanyakan ulama memasukkan golongan seperti ini sebagai asnaf *al-gharimin* iaitu orang yang berhutang. Sebahagian ulama mensyaratkan jenis hutang ini adalah yang bersifat darurat dan keperluan dan bukan untuk kemewahan atau untuk berfoya-foya.

Zakat harus diberikan kepada golongan yang terkena mudarat atau bencana sama ada banjir besar, puting beliung, tanah runtuh, gempa bumi dan lain-lain kejadian yang menyebabkan rumah dan tanaman mereka musnah. Mereka boleh dikategorikan sebagai golongan *al-gharimin* yang berhak menerima zakat (Irsyad Al-Fatwa, 2014). Mujahid menyatakan, terdapat tiga golongan penanggung hutang dalam Islam, iaitu orang yang hartanya terbawa banjir, orang yang hartanya terbawa termakan kebakaran dan orang yang mempunyai keluarga tetapi tidak mempunyai harta yang bermaksud, “*Al-gharimun* (golongan yang berhutang). Ia juga memberi maksud yang sama bagi mereka yang rumahnya terbakar, atau ditimpa musibah banjir sehingga musnah segala harta bendanya dan terpaksa berhutang untuk setiap tanggungannya” (Rif'at Al-Latif Masyhur. t.th: 111).

Menurut Zulkifli Mohammad (2015) lagi, selain daripada penjelasan nas daripada Mujahid, tafsiran ulama juga menjelaskan golongan yang hartanya telah dihanyutkan oleh banjir atau bah dikategorikan sebagai *al-gharimin*. Imam al-'Azim al-Abadi (1990) menyatakan bahawa: “Siapa yang ditimpa hartanya dengan sebab kebinasaan daripada langit atau bumi seperti kesejukan, ditimpa air batu, tenggelam dalam laut atau sungai dan seumpamanya yang menyebabkan tiada lagi baginya barang untuk hidup maka haruslah baginya meminta-minta sehingga dapat menyelesaikan kehidupannya semula”.

Kesimpulannya, mangsa banjir terpaksa memulakan kehidupan yang baru untuk memenuhi keperluan harian dan menyara tanggungan masing-masing. Oleh sebab itu, keadaan mangsa banjir di sesetengah tempat ini sudah layak disebut sebagai golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.

## HASIL KAJIAN

Artikel ini mendapati bahawa terdapat keadaan darurat yang mengharuskan zakat kepada mangsa bencana banjir melalui kaedah fiqh pecahan *al-darurat tuqaddar bi qadariha* (keadaan darurat ditentukan mengikut kadarnya). Satu penyelarasan agihan zakat bagi mangsa banjir dicadangkan berdasarkan jenis-jenis agihan zakat. Ia disediakan

dalam bentuk keperluan asas yang diberikan kepada mangsa banjir seperti kit-kit kecemasan iaitu kit makanan, kit pakaian, kit kesihatan, kit penempatan dan kit ibadah.

### **Keadaan Darurat Yang Mengharuskan Zakat Kepada Mangsa Bencana Banjir**

Ajaran Islam telah menetapkan hukum yang khusus untuk menghadapi situasi darurat yang mengharuskan seseorang melakukan sesuatu yang dilarang ketika situasi biasa. Ia bertepatan dengan prinsip Islam iaitu memberi kemudahan kepada umat serta menghindarkan mereka daripada kesulitan. Bencana boleh menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara yang melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemasuhan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya. Ia memerlukan tindakan penggembangan sumber yang ekstensif untuk mengembalikan keadaan yang musnah seperti keadaan asal (Noor Azam, 2015). Darurat pula adalah suatu keadaan yang menyulitkan fizikal manusia untuk bergerak dan berurus seperti biasa sehingga melibatkan seluruh institusi tidak dapat beroperasi. (Wahbah Zuhayliyy, 1997).

Perkara yang perlu difahami adalah setiap mangsa kebiasaannya berada dalam keadaan yang amat memerlukan bantuan mengikut kadar kemasuhan yang dialami. Tahap kesulitan yang dialami oleh mangsa banjir adalah berbeza. Terdapat sebahagian daripada mereka yang mengalami kemasuhan aset dan keperluan hidup secara total, manakala sebahagian yang lain mungkin mengalami kerosakan yang sederhana sahaja dan hanya memerlukan bantuan yang setimpalnya.

### **Definisi Darurat**

Darurat dalam bahasa arab dieja dalam *da-ru-rah* (ضرورة) yang bermaksud kesusahan. Manakala, dalam kitab *al-Ta’rifat*, *dharurah* dari segi bahasa berasal daripada perkataan *dharar* (*Al-Jurjaniyy*, 1987). Perkataan ini mempunyai tiga pengertian, iaitu lawan kepada manfaat, kesulitan atau kesempitan dan buruknya keadaan. Manakala dalam kamus *al-Mu‘jam al-Wasit*, ia bererti keperluan, sesuatu yang tidak dapat dihindari, dan kesulitan. Menurut istilah pula, *dharurah* (darurat) mempunyai pelbagai definisi yang hampir sama pengertiannya. Darurat

menurut kitab *Ahkamul Qur'an* bermaksud rasa takut akan ditimpa kerosakan atau kehancuran terhadap jiwa atau sebahagian anggota tubuh (Abu Bakar Al-Jassas, 1977).

Manakala dalam kitab *Durar al-Ahkam* pula, darurat bermaksud keadaan yang memaksa seseorang untuk mengerjakan sesuatu yang dilarang oleh syarak (1928). Muhammad Khatib al-Syarbini (1910) dalam *Mughni al-Muhtaj* menyatakan, darurat adalah rasa bimbang akan terjadinya kematian atau sakit yang menakutkan atau menjadi semakin parahnya penyakit ataupun semakin lamanya sakit (Abdullaah Jalil, 2007). Ibnu Qudamah pula dalam *al-Mughni* menyatakan, darurat adalah keadaan membolehkan seseorang makan yang haram, dan dikhuatiri akan membuat seseorang itu binasa jika tidak makan makanan yang haram.

Muhammad Abu Zahrah mendefinisikan darurat sebagai kekhawatiran akan terancamnya kehidupan jika tidak memakan yang diharamkan, atau khawatir akan musnahnya seluruh harta miliknya. Mustafa al-Zarqa` (1956) dalam kitabnya *al-Madkhal fi al-Fiqh al-'Aam* menyatakan darurat adalah sesuatu yang jika diabaikan akan mengakibatkan kemudarat. Manakala Wahbah al-Zuhayliyy (1990) dalam kitab *Nazariyyat al-Darurah* mendefinisikan darurat sebagai kemudarat kepada manusia atau kesulitan (*masyaqqah*) yang amat berat, yang membuatkan dia khawatir terjadinya mudarat atau sesuatu yang menyakitkan jiwa, anggota tubuh, kehormatan, akal, harta, dan yang seumpama dengannya.

Definisi darurat yang telah dibincangkan oleh para ulama di atas adalah berdasarkan beberapa tafsiran ayat al-Quran. Isi kandungan ayat-ayat tersebut menerangkan keadaan darurat kerana terancamnya jiwa jika tidak memakan makanan yang haram, seperti bangkai dan daging babi. (Mohd Sukki Othman, 2010). Contohnya seperti dalam firman Allah yang bermaksud;

*"Tetapi sesiapa yang dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang"* (al-Quran. al-Baqarah, 2: 173).

Berdasarkan perbincangan di atas, darurat boleh diertikan sebagai keterpaksaan yang sangat mendesak yang dikhuatiri akan menimbulkan kebinasaan atau kematian. Semasa situasi darurat, seseorang itu diharuskan melakukan perkara yang pada asalnya mempunyai hukum

haram sebagaimana yang termaktub dalam kaedah fiqh yang masyhur iaitu *al-darurat tubih al-mahzurat* (darurat mengharuskan yang haram).

Menurut Zulkifli Mohamad Al-Bakri, (2014) daripada kaedah tersebut, dapat diketahui darurat merupakan suatu keadaan terpaksa yang berkaitan dengan pemeliharaan jiwa, seperti orang kelaparan yang terancam jiwanya dan tidak mendapatkan apa-apa makanan selain daging babi atau bangkai. Kesimpulannya, darurat hendaklah berasaskan kepada keadaan luar biasa yang boleh menyebabkan seseorang menghadapi kesukaran sekiranya tidak mendapat apa-apa bantuan untuk menyelamatkannya daripada keadaan tersebut.

## KAEDAH FIQH DALAM AGIHAN ZAKAT

Pemakaian kaedah fiqh ini merupakan sumber hukum yang dapat menjelaskan keadaan mangsa. Kaedah fiqh adalah rumusan secara umum terhadap hukum-hukum yang telah dikeluarkan daripada nas-nas al-Quran dan hadis. Secara asasnya, terdapat beberapa kaedah fiqh yang telah digariskan oleh para ulama yang menjadi prinsip utama dalam penentuan agihan zakat kepada mangsa banjir. Ia juga digunakan dalam penentuan hukum asnaf itu sendiri, sama ada seseorang itu layak menerima zakat atau tidak (Sanep Ahmad et.al, 2015). Kesan daripada penentuan kadar ini, didapati tidak semua mangsa yang layak menerima bantuan, malah situasi kerugian dan kemusnahan yang berlaku juga adalah berbeza antara setiap mangsa. Berdasarkan kaedah fiqh tersebut, terdapat lima kaedah masyhur iaitu;

- i. *Al-Umur bi Maqasidiha* (setiap perkara dinilai berdasarkan niat)
- ii. *Al-Yaqin La Yuzalu Bi al-Shakk* (keyakinan tidak hilang dengan keraguan).
- iii. *Al-Mashaqqah Tajlibu al-Taysir* (kesukaran membawa kemudahan)
- iv. *Al-Darar Yuzalu* (bahaya mesti dihapuskan)
- v. *Al-'Adah Muakkamah* (adat dijadikan hakim)

Menurut konteks kajian ini, antara kaedah yang akan dirujuk adalah di bawah pembahagian *al-masyaqqah tajlibu al-taysir* yang bermaksud “kesukaran Membawa kemudahan”. Sumber asal kaedah ini adalah berdasarkan dalil yang disandarkan seperti dalam firman Allah SWT:

*(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kami beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran”*

(al-Quran, al-Kahfi, 8:73)

Berdasarkan dalil tersebut, ia menjelaskan bahawa Islam membawa konsep kemudahan terhadap umatnya dan memberi keringanan, bukan kesusahan atau kesempitan. Walaupun begitu, ia mestilah terlebih dahulu menentukan *masyaqqah* atau kesusahan yang menjadi sebab kepada keringanan sesuatu hukum. Kesukaran dan kesusahan akan membawa kemudaratuan, sama ada pada diri dan harta benda atau kesukaran yang memakan masa yang lama dan waktu yang panjang (Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali, 2000: 143). Antara lain, ia merupakan kesukaran yang dianggap luar biasa menurut penilaian syarak. Justeru, dalam kesukaran itulah, sebenarnya akan diberikan keringanan dan kemudahan. Di bawah pecahan lima kaedah asas fiqh, ulama membahagikan kepada 10 kaedah kecil iaitu:

- i. *Idha Daqa al-Amru Ittasa'a* (apabila sesuatu itu sempit, hukumnya menjadi luas)
- ii. *Idha Ittasa'a al-Amru Daqa* (apabila sesuatu itu longgar atau luas, hukum menjadi sempit)
- iii. *Al-Darurat Tubih al-Mahzurat* (kemudaharan membolehkan tegahan)
- iv. *Al-Darurat Tuqaddar Bi Qadariha* (keadaan darurat ditentukan mengikut kadarnya)
- v. *Ma Jaza Li 'Uzrin Batala Bizawalihi* (apa yang diharuskan kerana uzur, batal dengan sebab hilang uzur tersebut)
- vi. *Al-Hajah Tunazzalu Manzilat al-Darurah* (keperluan atau hajat diletakkan pada kedudukan darurat)
- vii. *Al-Idtirar La Yubtilu Haqq al-Ghayr* (keadaan terdesak tidak membatalkan hak orang lain)
- viii. *Al-Hukmu Yatba'u al-Maslahat al-Rajihah* (hukum itu mengikut kemaslahatan yang kukuh)
- ix. *Al-Hukmu Yaduru Ma'a 'Illatihi* (hukum itu berkisar bersama illahnya)
- x. *Yunazzalu al-Majhul Manzilat al-Ma'dum* (kedudukan perkara yang tidak diketahui itu sama dengan kedudukan apa yang tidak ada)

### **Aplikasi Kaedah Fiqh Pecahan *al-Darurat Tuqaddar Bi Qadariha* (Keadaan Darurat Ditentukan Mengikut Kadarnya)**

Kelayakan seseorang mangsa banjir dalam situasi darurat dilihat lebih tepat di bawah pecahan yang ketiga iaitu, *al-Darurat Tubih al-Mahzurat* (kemudaharatan membolehkan tegahan). Namun, ia dibatasi dengan kaedah keempat iaitu *al-Darurat Tuqaddar Bi Qadariha* (keadaan darurat ditentukan mengikut kadarnya). Hal ini adalah kerana kaedah itu bermaksud keadaan kemudharatan yang membolehkan dan mengharuskan perkara yang ditegah atau dilarang. Ia merupakan kaedah dan hukum pengecualian dalam keadaan terdesak dan terpaksa mengharuskan perkara yang tidak diharuskan (Abd. Latif Muda & Rosmawati Ali, 2000). Oleh yang demikian, agihan zakat dilihat sebagai suatu keperluan yang mendesak namun perlu diteliti terlebih dahulu keadaan sebenar yang dialami oleh mangsa. Hal ini menentukan supaya setiap mangsa memperolehi kadar bantuan yang selaras dan bersifat adil.

Setiap cabaran yang dialami semasa bencana melanda boleh dikategorikan sebagai darurat kecil yang mana mereka hanya bergantung harap kepada bantuan kerana telah terputus hubungan sesama sendiri. Namun begitu, tahap darurat yang dialami walaupun dilihat sukar, tetapi masih terkawal kerana rata-rata mangsa dapat membuat persediaan kerana telah menerima berita bencana sebelum kejadian. Justeru, tidak semua mangsa menghadapi darurat sebenar yang ditafsirkan ulama dan tidak semua mangsa yang sememangnya terselamat, malah terpaksa berpuasa kerana ketiadaan makanan.

Dari sinilah timbulnya kaedah *al-darurat tuqaddar biqadariha* yang bermaksud darurat dianggarkan (diharuskan) sekadar keperluannya sahaja. Prinsip ini walau bagaimanapun, ia adalah hal yang sifatnya darurat ada kadarnya. Apabila selesai darurat, maka selesai sudah pertimbangan yang mengatakan ia adalah darurat. Dalam erti kata yang mudah, darurat akibat banjir hanya ketika banjir berlaku sahaja, dan apabila banjir telah surut atau kesemua mangsa telah terselamat, maka ia bukan lagi disebut darurat.

## KESIMPULAN

Keadaan darurat yang disebut dalam kaedah fiqh haruslah selari dengan perlaksanaan agihan zakat setelah kadarnya diketahui. Ini bermakna, setiap agihan zakat kepada mangsa hendaklah menepati dengan keadaan situasi penerima zakat benar-benar layak. Walaupun dalam situasi tersebut terdapat mangsa-mangsa yang hartanya telah musnah, namun berkemungkinan mereka mempunyai harta-harta lain di luar kawasan yang dilanda banjir. Mereka mempunyai anak-anak serta ahli keluarga yang berada di perantauan. Mereka juga mempunyai aset lain, sumber kewangan ataupun lain-lain sumber yang dapat membantu mangsa-mangsa ini ketika berada dalam situasi bencana. Maka, ianya kembali pula kepada pihak pengurusan zakat dalam menentukan kelayakan mereka sebagai salah seorang asnaf zakat, sama ada mereka betul-betul berada dalam keadaan darurat untuk meneruskan kehidupan atau sebaliknya.

Justeru, sesuai dengan apa yang disebut dalam kaedah fiqh, setiap darurat ditentukan dengan kadarnya. Bagi memelihara maslahat umum, sewajarnya batasan agihan sentiasa diambil berat untuk mengelakkan pembaziran atau bantuan berlebihan. Pemantauan dan penelitian khusus hendaklah berterusan agar tidak berlaku pertindihan bantuan dan memastikan agihan adalah bersesuaian serta sampai kepada pihak yang benar-benar memerlukan dengan mengikut ketetapan syarak. Oleh sebab itu, bantuan yang perlu difikirkan kepada mangsa banjir adalah bantuan semasa banjir sahaja ataupun bantuan berterusan selepas banjir surut.

## RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abdullaah Jalil. (2011). *Al-Qawaaid al-Fiqhiyyah*. Kursus Sijil Tinggi Muamalat (Asas) – ILMI. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM).
- Abdul Ghafar, I. & Hailani Muji, T. (2006). *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- <sup>c</sup>Ali Ahmad al-Nadwiyy. (1994). *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Syria: Dar al-Qalam. Edisi 3.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. (1996). *Fiqh dan Perundangan Islam* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Ab Rahman & Hasanah Abd Khafidz. (2015). *Ensiklopedia Asnaf dan Skim Agihan Zakat di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hairunnizam Wahid. (2009). *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?* Jurnal Syariah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hasanah Binti Abd Khafidz. (2006). “*Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Pentafsirannya Di Malaysia*” (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Petaling Jaya, Kuala Lumpur).
- Idris Ahmad S.H. (1996). *Fiqh Shaf'iyy*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara. Kuala Lumpur. Jilid 1.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Indeks Syariah Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kothari, C. (2004). *Research Methodology: Methods and Technique*. Delhi, India: New Age International Publisher.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saufi Ismail. (2005). *Kajian Terhadap Corak Agihan dan Pembentukan Modul Agihan Zakat di Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin di Negeri Pantai Timur*.
- Mujaini Tarimin. (2012). *Zakat al-Mal al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat.

- Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. (1997). Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Arahan No. 20 (Semakan Semula).
- Osman Lebar. (2007). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rifcat Abd Latif Masyhur. (2010). *Zakat Penjana Ekonomi Islam*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Sanep Ahmad Hairunnizam Wahid. (2004). *Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian*. Kertas Kerja dibentangkan di Daya Saing Ekonomi Dan Sosial ke Arah Pemantapan Pembangunan Ekonomi. Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahbah al-Zuhayliyy. (2005). *Fiqh Perundangan Islam: Jilid iv*. Terj. Md.Akhir Haji Yaacob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2015). *Fatwa Semasa: Kutipan dan Agihan Zakat*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pembentukan Semula Hala Tuju Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Laporan tahunan Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ -MAIWP). Laporan tahunan 2003 hingga 2007. <http://zakat.com.my/laporan/bukulaporan.html>. (diakses pada: 5 Mei 2009).
- Portal Bencana. 2014. Bencana Terkini di Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. <http://portalbencana.mkn.gov.my/Portal/>(diakses pada: 5 Julai 2015).
- Portal Rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. 2013. Pengurusan Banjir, Program & Aktiviti. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar <http://www.water.gov.my/our-services-mainmenu-252/flood-mitigation-mainmenu>. (diakses pada: 5 Julai 2015).
- Tengku Ariff, T. M. (2015). *Forum on Flood Mitigation: The Economic Impact*. Dalam Persidangan Pengurusan Bencana Banjir Kelantan 2015. 70
- Tengku Feissal, T. M. F. (2015). *Pembangunan Dan Pengurusan Di Kawasan Terdedah Banjir*. Dalam Persidangan Pengurusan Bencana Banjir Kelantan 2015.